



**NOTIS MAKLUMAN JAWATAN KOSONG  
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK**

RUJ : STIDC.7.HR(PER).06.1  
TARIKH : **7 Julai 2021**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkeelayakan untuk mengisi jawatan kosong sebagai **Pengawal Keselamatan, Gred KP11 Bertaraf Tetap & Berpencen (1 kekosongan) & Kontrak (3 kekosongan)** di **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) Kuching**.

Permohonan boleh dibuat melalui sistem [e-recruitment.sarawak.gov.my](http://e-recruitment.sarawak.gov.my).

Tarikh tutup permohonan: **15 Julai 2021**

1. (a) Jawatan & Gred : Pengawal Keselamatan, Gred KP11  
Kekosongan : Empat (4) kekosongan  
Taraf Jawatan : 1 Kekosongan bertaraf Tetap dan Berpencen  
3 Kekosongan bertaraf kontrak  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam  
Jadual Gaji : GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM  
RM1,205.00 - RM2,939.00

(b) Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00); atau

- ii. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00);

**Syarat Lantikan Tambahan:** Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

c) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

d) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

e) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan

- ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- f) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - g) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- iii. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**( c) Skop Tugas:**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan, termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).